

MAHATHIR-PAS

JITRA, 24 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYAMAKAN PAS DENGAN SYARIKAT GANDA WANG ANDA YANG SAMA-SAMA BERTUJUAN MENIPU DAN MENYAMUN WANG SERTA HARTA ORANG-ORANG MISKIN.

SYARIKAT GANDA WANG ANDA MENJALANKAN KEGIATAN DENGAN MENIPU ORANG RAMAI BAHAWA JIKA MEREKA MELABUR DENGANNYA PELABURAN ITU AKAN DIPEROLEH SEMULA BERGANDA-GANDA DALAM MASA YANG SINGKAT.

APABILA KUTIPAN TELAH BANYAK MEREKA YANG MENGENDALIKAN SYARIKAT ITU AKAN MENGHILANGKAN DIRI. INI SATU PERBUATAN, MENYAMUN, KATANYA KEPADA PARA PEKERJA BN KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH JITRA DI SINI.

PAS PULA MENJALANKAN PENIPUAN MENERUSI KUTIPAN UNTUK APA YANG DIDAKWA SEBAGAI TABUNG JIHAD MEREKA DARIPADA ORANG RAMAI TERMASUK PENDUDUK KAMPUNG YANG SEPERTI YANG DIKATAKAN OLEH PAS, SEMUANYA MISKIN.

DENGAN BERCEKITA KONONNYA KUTIPAN JIHAD ITU UNTUK MEMBANTU UMAT ISLAM PAS DIKETAHUI BERJAYA MENGUMPULKAN WANG YANG BANYAK SEHINGGA IA KINI MENJADI SEBUAH PARTI POLITIK YANG KAYA TIDAK SEPERTI PAS DAHULU, KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1845MST 24 07 86

E9333

U PB355 BES EMA SIN

MAHATHIR-PAS 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ORANG-ORANG MISKIN YANG MENDERMA WANG RINGGIT DAN BARANG KEMAS KEPADA TABUNG JIHAD ITU SEBENARNYA INGIN TAHU BERAPAKAH YANG TERKUMPUL DAN PERBELANJAAN YANG DIBUAT SETAKAT INI.

BELIAU MENCABAR PUCUK PIMPINAN PAS SUPAYA TIDAK MENYEMBUNYIKAN FAKTA-FAKTA SEUMPAMA ITU, TETAPI BERTERUS TERANG MENGENAI TUJUAN PENUBUHAN TABUNG DAN SEGALA URUSAN YANG MENGGUNAKAN WANG KUTIPAN.

PAS DILAPORKAN BERKATA WANG TABUNG JIHAD TIDAK DIGUNAKAN UNTUK PILIHAN RAYA UMUM INI TETAPI APA YANG DILIHAT PAS TELAH MENGELUARKAN PERBELANJAAN YANG BANYAK SEJAK AWAL TAHUN INI. DARIPADA MANAKAH WANG YANG DIGUNAKAN ITU DIPEROLEH? TANYA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA PEMBOROSAN YANG DILAKUKAN OLEH PAS SEMATA-MATA HENDAK MEMANCING UNDI DAPAT DILIHAT SEBAGAI CONTOH PARTI ITU MEMBAYAR SEKURANG-KURANGNYA 450 SEORANG YANG DAPAT MEMASANG BENDERA PARTI SETINGGI-TINGGI YANG BOLEH.

BELIAU JUGA MEMPERTIKAIKAN MAKSUD PENGUMPULAN WANG RINGGIT DAN HARTA BENDA DARIPADA ORANG-ORANG MISKIN KERANA ISLAM MENUNTUT ORANG-ORANG YANG KAYA MENGHULURKAN DERMA KEPADA ORANG MISKIN DAN BUKAN SEBALIKNYA. -- LAGI

1925MST 24 07 86

U PB356 BES EMA SIN

MAHATHIR-PAS 3 JITRA

DATUK. SERI DR MAHATHIR YANG MEMPERTAHAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU BAGI KALI KEEMPAT BERTURUT-TURUT MENINGAT PARA PEKERJA BN BAHAWA MEREKA WAJIB MEMASTIKAN PAS TIDAK AKAN TERPILIH PADA PILIHAN RAYA 3 OGOS SUPAYA PERBUATAN MENIPU DAN MENYAMUM TIDAK AKAN BERULANG LAGI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENINGATKAN BAHAWA KEMENANGAN BAGI BN TIDAK AKAN TERCAPI DENGAN MUDAH SEKIRANYA MEREKA TIDAK MENJALANKAN TUGAS DENGAN PENUH KESABARAN DAN SEMANGAT YANG PADU.

KATANYA SETIAP RAKYAT HARUS BERSYUKUR KERANA KEAMANAN DAN PEMBANGUNAN PESAT YANG DIALAMI SEKARANG KERANA HASIL TITIK PELUH MEREKA BEKERJA KERAS MEMASTIKAN KEMENANGAN PERIKATAN DAHULU DAN BN SEKARANG PADA SETIAP PILIHAN RAYA SEJAK MEDERKA.

MENTERI BESAR DATUK PADUKA OSMAN AROFF DAN ANGGOTA EXCO HAJI HANAFI RAMLI YANG MASING-MASING MEMPERTAHANKAN KERUSI NEGERI JITRA DAN TUNJANG TURUT BERADA PADA MAJLIS PERJUMPAAN ITU. -- BERNAMA
1929MST 24 07 86